



SIARAN MEDIA

DEPANI CABARAN NEGARA MENUA DENGAN PEKERJA SOSIAL PROFESIONAL

Kuala Lumpur, 23 Januari - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) kini bersedia mendepani cabaran menghadapi status negara menua menjelang tahun 2030 dengan menyediakan pekerja sosial yang profesional dan memperkukuhkan ekosistem sokongan sosial di Malaysia.

Menterinya, Dato' Sri Hajah Nancy Shukri berkata, "Pekerja sosial harus dilengkapi dengan kemahiran penggunaan *big data*, kerja sosial berasaskan bukti (*evidence-based practice*) serta pembangunan dasar berpandukan kepada keperluan spesifik masyarakat". Beliau berkata demikian semasa merasmikan Program Sanjungan Ilmu iaitu Majlis Graduasi Program Sijil Profesional Asas Kerja Sosial (SPAKS) anjuran Institut Sosial Malaysia (ISM).

Sebanyak 15 peratus populasi negara ini dijangka akan terdiri daripada warga emas. Keyakinan, sikap dan kemahiran spesifik dalam bidang praktis kerja sosial serta kemampuan melaksanakan tugas dengan baik di institusi kebajikan dan industri penjagaan adalah satu keperluan. Justeru, pelaksanaan inisiatif seperti SPAKS bertepatan dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan Malaysia MADANI yang menitikberatkan keterangkuman, pembangunan modal insan yang terampil serta bernilai sosial demi membentuk masyarakat yang lebih bertoleransi, harmoni dan progresif.

Dalam majlis berkenaan, seramai 167 orang Pegawai Skim Sosial terdiri daripada pelbagai gred serta latar belakang telah menghadiri kursus tersebut dan dianugerahkan Sijil Program Sijil Profesional Asas Kerja Sosial (SPAKS). Ia melibatkan penyertaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Penjara dan PERMATA Kurnia. Universiti Utara Malaysia (UUM) dan ISM bekerjasama dalam

menyediakan tenaga pengajar, modul latihan dan keperluan-keperluan latihan praktik dan prasarana.

Sebelum majlis berlangsung, YB Dato' Sri Nancy Shukri telah berkongsi pengalaman dan aspirasinya dalam menerajui KPWKM menerusi bual bicara eksekutif yang bertajuk Cabaran Menuju Puncak Kepimpinan seterusnya melancarkan portal e-Pembelajaran Perkhidmatan Sosial (EPPESSO) iaitu pembelajaran secara dalam talian (online).

YB Dato Sri Nancy dalam ucapannya menegaskan bahawa dengan melindungi serta memberi peluang kepada golongan rentan, kerajaan bukan sahaja menjamin kesejahteraan mereka, tetapi pendekatan ini memastikan Malaysia terus melangkah maju sebagai sebuah masyarakat yang berdaya tahan dan inklusif.

Turut hadir YB Datuk Seri Dr. Noraini Binti Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Foad Sakdan, Naib Canselor UUM, YBrs. Dr. Faridah binti Awang, Pengarah ISM dan Pengurusan Tertinggi KPWKM dan UUM.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
23 JANUARI 2025**